



BULETIN

SEPTEMBER 2020

EDISI 09

Jabatan Laut Malaysia



**Jangan 'laga tangan',
cukup letak tangan di
dada tanda hormat**

Jangan kita alpa dan terus kekal mengamalkan 3W (Wash, Wear and Warn) dan elakkan 3S (Tempat yang sesak, sempit dan bersempang secara dekat). Patuhi SOP PKPP yang telah ditetapkan

TAHNIAH

Diatas penganugerahan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti
(QMS) MS ISO 9001:2015 dari
SIRIM QAS International Sdn Bhd
kepada

JABATAN LAUT MALAYSIA

yang berkuatkuasa pada 04 Ogos 2020.



PENAUNG



YBhg Dato' Haji Baharin
Bin Dato' Abdul Hamid

KETUA EDITOR



azHan



EgBert



ReEta



YaTi



hafEez



ShaRifah



siTi

SIDANG PENGARANG

isi kandungan

info menarik

03 16 September detik bersejarah yang melahirkan Malaysia

CAKNA JLM

09 Kunjungan Hormat dan Lawatan

06 Program dan Bengkel

14 Penguatkuasaan dan Operasi

17 Aktiviti JLM
-Pengenalan Rumah Api Juga

STATISTIK

18 Maklumbalas Pelanggan JLM

PANDANG MEDIA

19 Berita
-AWANI
-BERNAMA

Covid 19

20 Kenyataan Media Jabatan Laut Malaysia (PKPD) Pemberhentian Operasi Perkhidmatan Feri Penumpang (Kuala Kedah - Kuah, Langkawi - Kuala Kedah) Selama 14hari Bermula 11 September Sehingga 25 September 2020

perkongsian

21 Sentuhan Rohani
-Fitnah

22 Dapur JLM
-Salmon Grill Sihat



16 September detik bersejarah yang melahirkan Malaysia

TANGGAL 16 September 1963, maka lahirlah sebuah negara baharu bernama Malaysia. Ia merupakan detik paling bersejarah yang memperlihatkan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura. Penyatuan itu bermula selepas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mencadangkannya pada 27 Mei, 1961 disusuli Mesyuarat Persatuan Parlimen KOMANWEL Cawangan Tanah Melayu di Singapura pada 23 Julai yang memutuskan penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia yang dipengerusikan Tun Mohammad Fuad Stephens. Penyatuan dan kerjasama kerjasama itu perlu diadakan terutamanya untuk menyekat pengaruh komunis yang semakin ketara yang boleh menggugat kestabilan politik serantau.

Pendirian kerajaan ini adalah berdasarkan kepada perkembangan politik di Singapura yang memperlihatkan peningkatan pengaruh golongan kiri. Di samping itu, gagasan ini bertujuan mengimbangi jumlah penduduk, meningkatkan kemajuan ekonomi dan mempercepat proses kemerdekaan bagi Singapura, Brunei, Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak.



PENGUMUMAN: Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengadakan sidang akhbar di kediaman rasmi beliau pada 6 Julai, 1963 bagi mengumumkan keberangkatan ke London untuk menghadiri majlis menandatangani perjanjian penubuhan Malaysia. - Sumber Arkib Negara

KRONOLOGI PEMBENTUKAN MALAYSIA

Idea persekutuan wilayah jajahan British di Asia Tenggara telah dimulakan seawal 1 Mei, 1948 oleh Komisioner Jeneral United Kingdom di Asia Tenggara Malcom Macdonald. Di Borneo, British cuba mencari penyelesaian yang boleh dilaksanakan dengan memupuk pembentukan Persekutuan Borneo Utara dari tahun 1957 hingga 1960. Bagaimanapun usaha itu gagal apabila bangkitnya parti berhaluan kiri Parti Rakyat Brunei, selain isu meningkatnya pergerakan komunis di Sarawak yang diketuai Parti Komunis Kalimantan Utara atau Organisasi Komunis Klandestin.

Sehubungan itu, idea untuk mewujudkan persekutuan yang lebih besar telah dihidupkan semula apabila ancaman komunis di Singapura semakin menjadi-jadi di bawah kepimpinan parti baharu Barisan Sosialis. Bagi menentang ancaman komunis di Singapura, kerajaan British mahu penggabungan antara Persekutuan Tanah Melayu dan pihak bukan komunis iaitu Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang menguasai Singapura ketika itu. Kemudian, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merancang untuk membawa masuk wilayah Borneo Utara meliputi Sabah, Sarawak dan Brunei.

Ekoran daripada itu, sejarah Pembentukan Malaysia bermula dengan:

27 MEI, 1961

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu buat pertama kalinya menyuarakan cadangan penubuhan Malaysia semasa berucap pada wartawan asing di Hotel Adelphi, Singapura.



CETUSAN ILHAM: Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa berucap kepada wartawan asing di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei, 1961. Pada majlis itu, buat pertama kalinya Tunku menyuarakan cadangan penubuhan Malaysia. - Sumber Arkib Negara

Memetik ucapan beliau, "Malaya (Persekutuan Tanah Melayu) hari ini sebagai sebuah negara yang menyedari bahawa ia tidak boleh berdiri sendiri secara berasingan, lebih awal atau lebih lama Malaya sepatutnya mempunyai pemahaman dengan Britain dan orang-orang Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak. Sudah tiba masanya bagi saya mengatakan sekarang bagaimana pemahaman yang lebih dekat ini dapat dibawa, tetapi tidak dapat dielakkan bahawa kita harus memandang ke arah tujuan ini dan memikirkan suatu rencana di mana wilayah-wilayah ini dapat digabungkan bersama dalam kerjasama politik dan ekonomi."

Beliau turut menerima undangan untuk pergi ke London pada November bagi membincangkan bagaimana menyediakan jalan untuk berunding dengan Wilayah Borneo walaupun perkara itu sebenarnya diutarakan pemimpin politik dan masyarakat di Sarawak.

KRONOLOGI PEMBENTUKAN MALAYSIA



TINGGAL KENANGAN: Gabenor British di Sarawak yang terakhir Sir Alexander Waddell serta isterinya Lady Jean Waddell meninggalkan kediaman mereka Istana menggunakan sampan pada 15 September 1963.

23 JULAI, 1961

Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (MSCC) yang dipengerusikan Donald Stephens ditubuhkan berikutan Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel di Singapura.

Jawatankuasa ini ditubuhkan pada Julai 1961 dengan tujuan memberi penerangan kepada penduduk Borneo Utara, Sarawak dan Brunei mengenai penubuhan Malaysia.

Jawatankuasa mengadakan empat kali mesyuarat untuk membincangkan perkara berkaitan penubuhan Malaysia dengan pertemuan pertama diadakan di Sabah pada Ogos 1961, diikuti di Kuching pada Disember 1961 dan kemudian di Kuala Lumpur pada Januari 1962.

Sementara mesyuarat terakhir telah diadakan di Singapura pada Februari 1962.

Dalam mesyuarat terakhir itu, Jawatankuasa bersetuju untuk mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold supaya dibuat tinjauan mengenai pandangan penduduk di Sarawak dan Sabah terhadap gagasan Malaysia.

Memorandum yang dipersetujui Jawatankuasa tersebut mengandungi beberapa perkara penting untuk dijadikan asas kepada perlembagaan yang akan dirancang.

Jawatankuasa ini bersetuju supaya perlembagaan Tanah Melayu dijadikan asas kepada perlembagaan Malaysia.

Antara perkara lain dipersetujui tentang perlunya ada sebuah kerajaan Persekutuan yang kuat dan berkuasa dalam hubungan luar, pertahanan dan keselamatan juga mengenai agama Islam diterima sebagai agama rasmi.

KRONOLOGI PEMBENTUKAN MALAYSIA

17 JANUARI, 1962

Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan bagi meninjau pandangan penduduk negeri-negeri di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak bertujuan memberi kebebasan dan keadilan kepada semua pihak.

Suruhanjaya ini dibentuk hasil perundingan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan British pada November 1961.

Suruhanjaya dianggotai lima ahli yang dipengerusikan bekas gabenor Bank England Lord Cobbold.

Ahli-ahlinya terdiri daripada Dato Wong Pow Nee dan Mohd Ghazali Shafie sebagai wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston wakil kepada kerajaan British, sementara H.Harris bertindak selaku setiausaha.

Sejak Februari hingga April 1962, Suruhanjaya telah menemui lebih 4,000 orang dan menerima 2,200 memorandum daripada pelbagai pihak daripada parti-parti politik, ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan dan Undangan, pembesar-pembesar, anak-anak negeri dan pemimpin kaum dan sebagainya.

Hasil daripada laporan menunjukkan sejumlah 80 peratus penduduk Sarawak dan Borneo Utara menyokong kepada penubuhan Malaysia.

Sokongan itu jelas dibuktikan menerusi laporan Suruhanjaya Cobbold yang telah disahkan perwakilan Setiausaha Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



SEPAKAT: Stephen Kalong Ningkan bersama-sama dengan Gabenor Negeri Sarawak yang baru iaitu Tun Abang Haji Openg berserta dengan wakil dari Persekutuan Tanah Melayu, Khir Johari memasyhurkan pengisytiharan Pembentukan Malaysia di Padang, Kuching, Sarawak pada 16 September, 1963. - Sumber Arkib Negara

Suruhanjaya Cobbold juga mengesyorkan penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC), Persekutuan Tanah Melayu ditukar kepada Persekutuan Malaysia, kuasa autonomi dan jaminan khas dalam beberapa perkara diberi kepada Sabah dan Sarawak serta kedudukan istimewa kaum peribumi Sabah dan Sarawak.

Rakyat Sabah dan Sarawak juga mengkaji beberapa tuntutan yang munasabah untuk menjaga kepentingan mereka sebagai Bumiputera sebelum menyertai Malaysia.

KRONOLOGI PEMBENTUKAN MALAYSIA



Tuntutan ini dikenali 20 Perkara Sabah dan syarat Borneo Utara menyertai Malaysia.

Lanjutan daripada laporan Cobbold tersebut, penubuhan Malaysia akhirnya telah ditetapkan pada tarikh 31 Ogos, 1963 beserta dengan syarat bahawa segala perkara berkaitan perlembagaan telah diselesaikan.

Dalam pada itu, wakil-wakil setiap negeri Borneo dibawa melawat dan melihat sendiri keadaan pentadbiran dan kemajuan yang telah dicapai seperti pembangunan luar bandar, peningkatan taraf pendidikan, kemudahan awam dan kesihatan serta hak-hak keistimewaan kaum Bumiputera.

Berikutan itu sebuah jawatankuasa ditubuhkan pada Ogos 1962 iaitu Jawatankuasa Antara Kerajaan yang juga dikenali sebagai Lansdowne Committee (IGC) bagi melaksanakan tanggungjawab berkaitan perkara perlembagaan yang dapat memelihara kepentingan kedua-dua negeri dalam persekutuan baharu tersebut.



DETIK BERSEJARAH: Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melaungkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali diselang seli laungan rakyat yang hadir selepas tamat membaca pemasyhuran Malaysia pada 17 September, 1963. - Sumber Arkib Negara

Berikutan itu, sebuah penyata telah dikeluarkan oleh jawatankuasa yang menggariskan cadangan-cadangan perlembagaan berkaitan.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang sedia ada telah dipersetujui menjadi asas kepada Perlembagaan Malaysia.

Selepas mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan wakil-wakil Borneo Utara, IGC menghasilkan draf '20 Perkara' yang menyentuh kepentingan Borneo Utara dalam Malaysia - 20 Perkara yang menjadi asas kompromi ini membabitkan antaranya bahasa, agama, kewangan, undang-undang, perhidmatan awam, pendidikan, perwakilan dalam parlimen dan imigresen.

Begitu juga dengan Sarawak, kompromi yang dicapai digarap dalam 18 Perkara.

Persefahaman melalui 20 Perkara dan 18 Perkara inilah yang menjadi pengikat dan asas perlindungan kepada hak-hak penduduk Borneo Utara dan Sarawak dalam Malaysia.

KRONOLOGI PEMBENTUKAN MALAYSIA

JULAI 1963

Pada Julai 1963, satu perjanjian penting telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London.

Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia itu telah ditandatangani wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

Persetujuan telah diperolehi untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos, 1963.

Bagaimanapun, penubuhan Malaysia yang dirancang pada tarikh tersebut terpaksa ditangguhkan kerana laporan Setiausaha PBB hanya dapat disiapkan pada 14 September.

Malaysia akhirnya diisytiharkan pada 16 September 1963.

16 SEPTEMBER, 1963

Upacara pengisytiharan Malaysia telah diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 16 September, 1963.

Upacara gemilang itu telah dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu, Gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sarawak dan Sabah.

Upacara juga dihadiri anggota kabinet, diplomat asing di Kuala Lumpur serta jemputan khas.

Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibacakan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra di hadapan lebih kurang 30,000 rakyat Malaysia yang turut meraikan hari bersejarah tersebut.

Tunku kemudiannya melaungkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali diselang seli laungan rakyat yang hadir.

Upacara diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Negeri Sembilan Ahmad Mohammad Said.

Hari Malaysia merupakan cuti am di negeri Sabah sempena hari keputeraan Yang Di-Pertua Negeri.

Walaupun pada awalnya Hari Malaysia bukan merupakan cuti am di Sarawak dan Semenanjung Malaysia, namun mulai 2010, Hari Malaysia juga merupakan cuti am di semua negeri di Malaysia.

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN



14 SEPTEMBER 2020

Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis, YAB Menteri Besar Kedah, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan YAB Menteri Besar Perak ke Pulau Pangkor menggunakan bot Jabatan Laut Malaysia bersama bot Jabatan Kerajaan yang lain.



15 SEPTEMBER 2020

YBhg Dato' Ketua Pengarah Laut Malaysia bersama Pengarah Laut Wilayah Utara dan pegawai-pegawai kanan JLM mengiringi lawatan kerja sehari YAB Perdana Menteri - Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi) - Dato' Sri Mustapa Mohamed ke Jeti Penumpang Pangkor Pulau Bebas Cukai, Lumut, Perak.



27 SEPTEMBER 2020

Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan telah menerima kunjungan hormat Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam bin Zakaria, Pengarah APMM Negeri Johor. Turut hadir sama, Kapten Maritim Sanifah bin Yusof, Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Johor. Seramai 5 orang pegawai dan kakitangan APMM Negeri Johor turut mendengar taklimat yang telah disampaikan oleh En. Mohd. Hafiz bin Che Omar, Pegawai Laut.



Antara lain tujuan lawatan kerja ini diadakan antaranya mengeratkan lagi hubungan kerjasama dalam urusan maritim, perkongsian maklumat antara Jabatan dan penganjuran program- program serta latihan bersama. Lawatan kerja ini yang berlangsung selama hampir 2 jam itu telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan.

09 BULETIN JLM/ SEPTEMBER 2020

PROGRAM DAN BENGKEL

 **22 - 25 SEPTEMBER 2020**

Bengkel Pengemaskinian Rancangan Kontigensi Kawalan Kebangsaan Tumpahan Minyak (RKKKTM), Imperial Heritage Hotel.

Bengkel adalah merupakan anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya yang telah dihadiri oleh En. Mohd Fairoz Rozali, SME JLM, En Nur Muhammad Subri, BPTBP dan En. Mohd Shukri Munajaf, BPTBP JLM. Bengkel turut dihadiri oleh wakil2 dari ahli2 RKKKTM, antaranya MKN, Jabatan Perikanan, MyMET, APMM, Pasukan Polis Marin, NADMA, TLDM dan lain2 agensi kerajaan yang berkepentingan disamping pihak industri seperti Petronas dan PIMMAG.



Tujuan Bengkel adalah untuk membincang dan memurnikan prosedur kawalan dan melawan tumpahan minyak mengambilkira SOP agensi masing2, *oiled wildlife response* & teknologi satelit imej serta *satellite detection*. Peranan JLM dalam Bengkel ini untuk berkongsi input berkenaan Kajian Kes Terhadap Pengesanan Tumpahan Minyak Menggunakan Teknologi Satellite Imaging yang dibentangkan oleh En Mohd Fairoz Rozali.

 **21-25 SEPTEMBER 2020**

Kursus Basic Boat Handling siri 03/2020 Anjuran Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN)



PROGRAM DAN BENGKEL



22 - 24 SEPTEMBER 2020

Kursus Marine Facility Security Officer siri 2/2020 anjuran Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) telah dilaksanakan pada 22-24 September 2020.



23-24 SEPTEMBER 2020

Bengkel Pemurnian dan Penggubalan Pelan Antirasuah (OACP), Jabatan Laut Malaysia di Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN)



PROGRAM DAN BENGKEL



21 - 25 SEPTEMBER 2020

Kursus Bahasa Inggeris bagi Kumpulan Sokongan, Jabatan Laut Malaysia di Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN)



28 SEPTEMBER 2020

Kursus Perkhidmatan Pejabat Laut Wilayah Timur siri 5/2020 di Pejabat Laut Kuantan



PROGRAM DAN BENGKEL

Program Libat Urus antara Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah dan Agensi Kerajaan Berkaitan Bersama Pemilik Bot di Kawasan Port Dickson.

29 SEPTEMBER 2020



Program turut dihadiri oleh wakil dari Jabatan Perikanan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Antara objektif program adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada pemilik bot untuk melesenkan bot dibawah Jabatan Laut Malaysia dan juga bot yang dilesenkan dibawah Jabatan Perikanan Malaysia yang ingin membawa penumpang bagi aktiviti perikanan rekreasi.



29 SEPTEMBER 2020



Webinar MATRAIN Talk 2020 (Siri 1) Halatuju Jabatan Laut sebagai Peneraju Sistem Pengangkutan Maritim telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah, Jabatan Laut Malaysia.



PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

10 SEPTEMBER 2020

Pengarah Laut Wilayah Utara menyertai pasukan Pemeriksa Kapal-Kapal Utara dan Organisasi Yang Diiktiraf - Ships Classification Malaysia (SCM) menjalankan pemeriksaan awalan feri PULAU TALANG TALANG bagi membantu operator feri di Pulau Pinang - Rapid Ferry Sdn Bhd meneruskan perkhidmatan feri sehingga 31 Disember 2020



12 SEPTEMBER 2020

Operasi bersepadu anjuran Pasukan Polis Marin Negeri Johor, telah disertai oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan dan Jabatan Perikanan Negeri Johor di perairan Mersing, Johor. Operasi itu yang melibatkan seramai 6 pegawai dan kakitangan Jabatan, telah berjaya memeriksa sebanyak 15 kapal, bot dan bot nelayan selama 5 jam operasi tersebut bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 1.00 petang.



PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

22 & 23 SEPTEMBER 2020

Seramai 12 orang pegawai dari Ibu Pejabat Wilayah Tengah, Melaka dan Port Dickson telah melaksanakan pemeriksaan Port State Control di kawasan ship to ship perairan Linggi, Melaka.



Tujuan pemeriksaan dijalankan adalah bagi memastikan kapal-kapal yang memasuki perairan Malaysia mematuhi undang-undang negara dan keperluan konvensyen antarabangsa



PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

Operasi dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan dan Perundangan, BKIM Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak diketuai oleh Encik Muhamad Azri bin Abdul Aziz, Pegawai Laut Ketua Unit Penguatkuasaan dan Perundangan JLWSK selaku Ketua Operasi. Anggota operasi diantara 6 dari IPL Wilayah Sarawak, 1 Pejabat Laut Sarikei dan Polis Bantuan dibawah JLWSK. Kawasan operasi di perairan Rajang di Sungai Batang Igan, Batang Lebaan dan Batang Lanang.



22 & 23 SEPTEMBER 2020

Program Operasi Penguatkuasaan Marin Khas Delta Rajang, Sibul Sarawak Siri 03/2020.



Penguatkuasaan kali ini menggunakan Kapal BJLWS Tg Selang bagi menjalankan pemeriksaan pada Kapal Pengorekan Pasir, Bot Tunda, Ro-Ro River Crossing dan Kapal Penumpang. Sebanyak 25 buah kapal telah diperiksa pada penguatkuasaan kali ini. Operasi ini memfokuskan kepada peralatan keselamatan nyawa di atas kapal, kapasiti penumpang dan keperluan statutori kapal berlandaskan kepatuhan kepada Boat Rules 1953 dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Tindakan amaran dan kompaun telah diberikan kepada demi memastikan keselamatan masyarakat komuniti maritim terjamin.



13 SEPT 2020

Program Pengenalan kepada Rumah Api & Gotong-Royong di Rumah Api Bukit Jugra, Selangor yang dianjurkan oleh Jabatan Laut Wilayah Tengah telah dihadiri oleh hampir 200 orang kakitangan jabatan bersama-sama keluarga. Program yang berobjektikan ikatan silaturahim ini dijalankan dalam suasana kekeluargaan dengan ibubapa menjalankan aktiviti Gotong-Royong manakala Anak-anak dihiburkan dengan persembahan Badut.


Perasmian disempurnakan oleh Tn. Hj. Baharudin bin Zakaria, Pengarah Laut Wilayah Tengah. Turut hadir menjayakan program ini adalah Mantan Pengarah Laut Wilayah Tengah, Tn. HJ. Abdul Nasar bin Abdul Hadi & Kapt. Nazri bin Abu Hassan.




MAKLUMBALAS PELANGGAN JLM



TOP 30 PEGAWAI BERURUSAN DENGAN PELANGGAN




Pekerjaan Reponden




RANKING UMUM IPL

No	Ranking 5.0	Ranking 4.5 - 4.9	Ranking bawah 4.5
1	Mohd Nazri Arma	Velarian Shem Donggot	Muhamad Shahrir A.Aziz
2	Norhaslinda Bashir	Nordin Mohamadn	Mohd Saiful Azwan Shahron
3	Rosliza Zainul Abidin	Yasmin Yusnidar Kamarudin	Siti Suhana Ahmad
4	Rosliza Zainudin	Rafidah Ramli	Aimi Md Fadzil
5	Faridah Man	Farrahawa Mahat	Zainal Fitri
6	Azizul Halimi b Husain	Nasra Zainudin	Khairul Anwar Mohd Nor

Bahagian Berurusan Dengan Pelanggan



Responden (Jantina)



PANDANG MEDIA

12 SEPTEMBER 2020



PKPD: Operasi feri penumpang Kuala Kedah ke Kuah dihenti 14 hari

Bernama
September 12, 2020 06:28 MYT



Suasana lengkap dilihat di sekitar Terminal Feri Kuala Kedah, Alor Setar, 12 Sept. 2020. --fotoBERNAMA

Perkhidmatan feri penumpang dari Jeti Penumpang Kuala Kedah ke Terminal Penumpang Kuah, Langkawi dan sebaliknya dihentikan operasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama 14 hari bermula semalam sehingga 25 Sept.

Jabatan Laut Malaysia dalam kenyataan malam tadi memaklumkan, ini selaras dengan PKPD pentadbiran yang dikuatkuasakan di 26 mukim di daerah Kota Setar, Kedah selama tempoh berkenaan.


"Sehubungan dengan itu, para penumpang feri yang ingin ke Terminal Penumpang Kuah, Langkawi hendaklah menggunakan perkhidmatan feri dari Terminal Feri Kuala Perlis," menurut kenyataan itu.

Jabatan itu turut menjangkakan akan berlaku pertambahan mendadak pengguna di Terminal Feri Kuala Perlis dalam tempoh dua minggu ini.


"Sehubungan itu, bagi mengelak sebarang kesulitan penumpang dinasihatkan merujuk terlebih dahulu jadual pergerakan feri melalui pautan <http://time.langkawiferryline.com>," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pegawai bertugas di Pejabat Laut Kuala Perlis, Khairul Azhar di talian 04-985 4160/ 019-589 6881 atau mana mana operator feri yang berkenaan.

12 SEPTEMBER 2020



NEWS
CHANNEL



PANDEMIC COVID 19

KENYATAAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA 11 SEPTEMBER 2020 PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) - PEMBERHENTIAN OPERASI PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG (KUALA KEDAH - KUAH, LANGKAWI - KUALA KEDAH) SELAMA 14 HARI BERMULA 11 SEPTEMBER SEHINGGA 25 SEPTEMBER 2020



JABATAN LAUT MALAYSIA

IBU PEJABAT LAUT
PETI SURAT 12, JALAN LIMBUNGAN
42007 PELABUHAN KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA
TEL : 603-3346 7620
FAKS : 603-3168 5289
LAMAM WEB : www.marine.gov.my



KENYATAAN MEDIA

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) - PEMBERHENTIAN OPERASI PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG (KUALA KEDAH - KUAH, LANGKAWI - KUALA KEDAH) SELAMA 14 HARI BERMULA 11 SEPTEMBER SEHINGGA 25 SEPTEMBER 2020

Selaras dengan PKPD pentadbiran akan dikuatkuasakan di 28 mukim di daerah Kota Setar, Kedah selama 14 hari bermula jam 0001, 11 September 2020 sehingga jam 12 tengah malam 25 September 2020, bagi Perkhidmatan feri penumpang dari Jeti Penumpang Kuala Kedah ke Terminal Penumpang Kuah, Langkawi serta sebaliknya telah dihentikan operasi sepanjang PKPD ini berkuatkuasa.

Sehubungan dengan itu, para penumpang feri yang ingin ke Terminal Penumpang Kuah, Langkawi hendaklah menggunakan perkhidmatan feri dari Terminal Feri Kuala Perlis.

Jabatan Laut Malaysia menjangkakan akan berlaku pertambahan mendadak pengguna di Terminal Feri Kuala Perlis dalam tempoh 2 minggu ini.

Sehubungan dengan itu untuk mengelak sebarang kesulitan, para penumpang dinasihatkan merujuk terlebih dahulu jadual pergerakan feri melalui pautan berikut <http://time.langkawiferryline.com>.

Bersama-samalah kita mengamalkan norma baharu untuk memutuskan rantaian covid 19.

Sebarang pertanyaan boleh terus menghubungi pegawai bertugas di Pejabat Laut Kuala Perlis, Encik Khairul Azhar di talian **(+604-985 4160)** / **(+6019-589 6881)** ataupun mana-mana operator feri yang berkenaan.

UNIT KORPORAT,

JABATAN LAUT MALAYSIA.

11 SEPTEMBER 2020

SENTUHAN ROHANI

DUA FITNAH SEBELUM FITNAH DAJJAL



"Niscaya fitnah dari sebagian kalian lebih aku takutkan dibanding fitnah dajjal. Tidak akan selamat seorang pun dari fitnah sebelum fitnah dajjal kecuali akan selamat dari fitnah dajjal. Tidak diciptakan fitnah sejak dulu, baik kecil maupun besar, kecuali tunduk pada fitnah dajjal."
(H.R Ahmad)

Dua perkara yang ditakuti Rasulullah dibanding fitnah dajjal:

Pemimpin sesat yang membuat pengikutnya terlibat perang tak berkesudahan.



**RIYA
ATAU
PAMER**

© elBukhari institute

#AyoNgaji
Hadis!

@elbukhari_institute

PPIM
UNJ

SUATU FITNAH ITU



**DIMULAKAN
OLEH SI
PEMBENCI**



**DISEBARKAN OLEH
SI BODOH YANG
PERASAN PANDAI**



**DAN DITERIMA
BULAT-BULAT
OLEH SI DUNGU**

like fb
Pesan Bonda

DAPUR JLM

SALMON GRILL SIHAT

Ramuan

- 4 orang makan
- 4 keping ikan salmon
- 3 ulas bawang putih
- 1 kecil lada hitam
- 1 sudu kecil mix herbs
- Secubit garam
- 1/2 Lemon
- 1 sudu kecil minyak zaiton

1. Gaul dan perap ikan dengan bawang putih yang ditumbuk, mix herbs, lada hitam, garam.

2. Panaskan pan non stick oleskan sikit dengan minyak zaiton, grill ikan sehingga ke dua dua belah ikan masak.

3. Goreng kilas Asparagus bersama planta dan sedikit bawang putih.

4. Tuangkan minyak asparagus dan picitkan sedikit lemo diatas ikan.

**5. Hidang
ikan bersama
asparagus
dan sedia
untuk
dimakan.
SELAMAT
MENCUBA!**

